

**Skim CAKNA -  
SOALAN LAZIM**  
*FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)*

<b>Bil No.</b>	<b>Soalan Question</b>	<b>Jawapan Answer</b>
1.	<p><b>Apakah Skim CAKNA?</b></p> <p><i>What is Skim CAKNA?</i></p>	<p><b>Skim CAKNA diperkenalkan untuk membantu kedudukan aliran tunai syarikat dan vendor (“Syarikat”) termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang mendapat kontrak perolehan bekalan dan/ atau perkhidmatan daripada Kerajaan Persekutuan (“Prinsipal”). Melalui Skim CAKNA, syarikat-syarikat ini boleh mendapat bayaran awal melalui penjualan invois yang telah diluluskan kepada institusi perbankan pada kadar diskaun, sebelum tarikh matang invois tersebut.</b></p> <p><b>Skim CAKNA merupakan suatu fasiliti pendanaan/ pendahuluan yang melibatkan jualan atau pemindahan hak ke atas bayaran invois dan bukan satu fasiliti pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi perbankan.</b></p> <p><i>Skim CAKNA is introduced to assist the cashflow position of companies and vendors (“Company”) including SMEs that have been awarded with supply and/ or services contracts by the Federal Government (“Principal”). Through Skim CAKNA, companies can sell approved invoices to banking institutions at a discount, in exchange for early payment prior to the maturity date of the invoice.</i></p> <p><i>Skim CAKNA is a funding/ advance facility involving sale or transfer of payment rights over a particular invoice and is not a financing facility from banking institutions.</i></p>
2.	<p><b>Apakah tujuan Skim CAKNA ini?</b></p> <p><i>What is the purpose of Skim CAKNA?</i></p>	<p><b>Tujuan Skim ini adalah untuk membantu kedudukan aliran tunai dan keperluan modal kerja syarikat yang mendapat kontrak perolehan (bekalan dan perkhidmatan) Kerajaan.</b></p> <p><i>The purpose of this Scheme is to assist the cashflow position and working capital requirements of companies with Government procurement (supply and services) contracts.</i></p>
3.	<p><b>Siapakah yang layak memohon Skim CAKNA?</b></p> <p><i>Who is eligible to apply for Skim CAKNA?</i></p>	<p><b>Skim CAKNA ini ditawarkan kepada semua syarikat yang mendapat kontrak Kerajaan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan sedia ada dan/atau yang baru yang ditawarkan pada tahun 2021.</b></p> <p><i>Skim CAKNA is open to all companies that have been awarded with ongoing and/ or will be awarded with supply and services contracts by the Government for the year 2021.</i></p>
4.	<p><b>Apakah Projek Rintis bagi Skim CAKNA?</b></p>	<p><b>Sebagai permulaan, Skim CAKNA ini akan dilaksanakan secara projek rintis dalam skala yang lebih kecil sebelum diperluaskan untuk melibatkan kementerian dan institusi perbankan yang lain. Projek rintis ini akan melibatkan:</b></p>

Bil No.	Soalan Question	Jawapan Answer
	<p><i>What is Pilot Project for Skim CAKNA?</i></p>	<p><b>Bank:</b>            (i) CIMB Islamic Bank;            (ii) Maybank Islamic;            (iii) MBSB Bank; dan            (iv) RHB Islamic Bank.</p> <p><b>Kementerian:</b>            (i) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);            (ii) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);            (iii) Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT); dan            (iv) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).</p> <p><i>For a start, Skim CAKNA will be carried out as a pilot project within a small scale before being expanded to include other ministries and banking institutions. The pilot project will involve the following:</i></p> <p><b>Banks:</b>            (i) CIMB Islamic Bank;            (ii) Maybank Islamic;            (iii) MBSB Bank; and            (iv) RHB Islamic Bank.</p> <p><b>Ministries :</b>            (i) Ministry of Health Malaysia (MOH);            (ii) Ministry of Education Malaysia (MOE);            (iii) Ministry of Higher Education Malaysia (MOHE); and            (iv) Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC).</p>
5.	<p><b>Bilakah Skim CAKNA akan berkuatkuasa?</b></p> <p><i>When will Skim CAKNA come into effect?</i></p>	<p><b>Pelaksanaan Skim CAKNA pada peringkat rintis (“Projek Rintis bagi Skim CAKNA”) akan bermula pada 1 Mac 2021 (sila rujuk Soalan 4).</b></p> <p><i>The pilot phase for Skim CAKNA (“Pilot Project for Skim CAKNA”) will commence from 1 March 2021 (please refer Question 4).</i></p>
6.	<p><b>Berapakah margin pendanaan?</b></p> <p><i>What is the funding margin?</i></p>	<p><b>Margin pendanaan adalah sehingga 100% daripada nilai invois, tertakluk kepada kadar caj semasa (sila rujuk Soalan 8 dan 11) oleh pihak Bank.</b></p> <p><i>The funding margin will be up to 100% of the invoice value, subject to prevailing charges (please refer to Questions 8 and 11) by the Bank.</i></p>
7.	<p><b>Adakah syarikat perlu menyediakan sebarang cagaran bagi mengakses fasiliti di bawah Skim CAKNA?</b></p>	<p><b>Tiada cagaran diperlukan. Melalui Skim ini, syarikat boleh mendapatkan pendanaan awal dengan memindahkan hak ke atas bayaran daripada invois yang telah diluluskan oleh Kerajaan kepada Bank melalui Surat Ikatan Penyerahan Hak.</b></p>

Bil No.	Soalan Question	Jawapan Answer
	<p>Are companies required to pledge any collateral to access facilities under Skim CAKNA?</p>	<p>No collateral is required. Under Skim CAKNA, companies will be able to receive early funding with the transfer of payment rights over Government's approved invoice(s) to the Bank by way of Deed of Assignment.</p>
8.	<p><b>Apakah kadar keuntungan yang dikenakan?</b></p> <p>What is the profit rate charged?</p>	<p><b>Kadar keuntungan adalah berbeza di antara satu bank dengan bank yang lain. Sila rujuk kepada pihak Bank untuk mendapat penerangan lebih lanjut.</b></p> <p>Profit may vary from one bank to another. Please refer to the respective Banks for further details.</p>
9.	<p><b>Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan?</b></p> <p>What are the documents required?</p>	<p><b>Syarikat perlu mengemukakan dokumen-dokumen berikut:</b></p> <p><b>A. Untuk permohonan fasiliti:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Salinan pendaftaran perniagaan yang disahkan seperti SSM, pihak berkuasa tempatan, Kementerian Kewangan, CIDB dan PKK.</li> <li>▪ Dokumen kesetiausahaan yang diperakui (sebagai contoh Borang 24, Borang 49, M&amp;A, yang mana berkenaan).</li> <li>▪ Surat Setuju Terima atau Inden Kerajaan yang telah diterima</li> <li>▪ Surat Ikatan Penyerahan Hak (yang telah ditandatangani oleh Syarikat).</li> <li>▪ Nama, nombor telefon dan alamat e-mel pegawai Agensi yang terlibat dalam kelulusan Surat Setuju Terima untuk tujuan pengesahan, serta mempunyai kuasa untuk menandatangani Surat Ikatan Penyerahan Hak.</li> </ul> <p><b>B. Untuk pembiayaan invois:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Invois yang diserahkan kepada Kerajaan.</li> <li>▪ Nama, nombor telefon dan alamat e-mel pegawai Agensi yang terlibat dalam kelulusan invois untuk tujuan pengesahan.</li> </ul> <p>Lain-lain dokumen yang diperlukan oleh pihak Bank berkaitan Skim CAKNA. Sila rujuk kepada pihak Bank untuk mendapat penerangan lebih lanjut.</p> <p>Interested companies are required to submit the following documents:</p> <p><b>A. For facility application:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Photocopy of valid business registration such as SSM, local authorities, MOF, CIDB and PKK.</li> <li>▪ Certified secretarial documents (for example Form 24, Form 49, M&amp;A, whichever applicable).</li> <li>▪ Letter of Award or Government's Indent duly accepted.</li> <li>▪ Deed of Assignment (signed by the Company).</li> <li>▪ Name, phone number and email address of the Agency officers</li> </ul>

Bil No.	Soalan Question	Jawapan Answer
		<p><i>involved in the Letter of Award approval for verification purposes, and are authorised to sign the Deed of Assignment.</i></p> <p><b>B. For sale of invoice:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <i>Invoice submitted to Government.</i></li> <li>▪ <i>Name, phone number and email address of the Agency officer(s) involved in the invoice approval for verification purposes.</i></li> </ul> <p><i>Any other documents required by the Bank pertaining to Skim CAKNA. Please refer to the respective Banks for further details.</i></p>
10.	<p><b>Berapa lamakah tempoh proses kelulusan fasiliti?</b></p> <p><i>How long is the facility approval process?</i></p>	<p><b>Sehingga 10 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diserahkan kepada pihak Bank. Untuk membantu Syarikat mendapat tunai pada kadar segera, permohonan fasiliti boleh dibuat semasa kontrak sedang dilaksanakan.</b></p> <p><i>Up to 10 working days from the date of complete documents being submitted to the Bank. To facilitate the Company in receiving payments early, the facility can be applied while the contract is being performed.</i></p>
11.	<p><b>Apakah kos-kos lain yang perlu ditanggung untuk Skim pendanaan ini?</b></p> <p><i>What are other costs to be incurred for this funding Scheme?</i></p>	<p><b>Kos-kos lain termasuk yuran dokumentasi, fi pengendalian dan caj duti setem yang akan ditolak bersama kadar keuntungan sebelum bayaran dibuat oleh Bank kepada Syarikat. Sila rujuk kepada pihak Bank untuk mendapat penerangan lebih lanjut.</b></p> <p><i>Other costs include documentation and handling fees as well as stamp duty charges which will be deducted together with the commission rate, prior to payment being made by the Bank to the Company. Please refer to the respective Banks for further details.</i></p>
12.	<p><b>Bagaimanakah pihak Bank akan mengeluarkan pendanaan yang telah diluluskan?</b></p> <p><i>How will the Bank disburse the approved funding?</i></p>	<p><b>Pengeluaran pendanaan akan dibuat secara terus kepada akaun Syarikat dalam masa 2 hari bekerja daripada tarikh pengesahan kesahihan invois oleh Kerajaan.</b></p> <p><i>The funding will be disbursed directly to the Company account within 2 working days following validation of approved invoice by the Government.</i></p>
13.	<p><b>Apakah kaedah pembayaran hasil kontrak?</b></p> <p><i>What will be the contract proceed</i></p>	<p><b>Hasil pembayaran kontrak yang perlu dibayar oleh pihak Prinsipal akan diserahkan hak/ dibayar kepada pihak Bank. Hasil pembayaran kontrak akan digunakan untuk melunaskan pendanaan dan bakinya akan disalurkan kepada Syarikat.</b></p> <p><i>The contract payment proceeds to be paid by the Government will be assigned to the Bank. The contract payment proceeds will be used to</i></p>

<b>Bil No.</b>	<b>Soalan Question</b>	<b>Jawapan Answer</b>
	<i>payment arrangement?</i>	<i>set off against the funding and the balance will be remitted to the Company.</i>
14.	<p><b>Adakah Syarikat perlu untuk membayar Bank semula?</b></p> <p><i>Does the Company need to pay the Bank back?</i></p>	<p><b>Syarikat tidak perlu membayar apa-apa kepada pihak Bank kerana bayaran kontrak akan digunakan untuk melunaskan pendanaan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang kecuaiian, penipuan, peninggalan yang sengaja atau kekurangan pembayaran daripada Kerajaan, pihak Bank berhak untuk mengambil tindakan terhadap Syarikat untuk mendapatkan kembali dana yang tertunggak.</b></p> <p><i>Company need not pay the Bank as the contract payment proceeds will be used to set off the funding. However, in the event of fraud, negligence, deliberate omission or shortfall in payment from the Government, the Bank reserves the right to take action towards the Company to recover any outstanding funds.</i></p>